

30/05/2003

AS patut hormati dasar Malaysia

KEJAYAAN Amerika di Iraq akhirnya turut mendatangkan kesan terhadap hubungan dua hala AS dengan Malaysia berikutan rasa tidak senang hati Washington dengan dasar kita yang menentang keras serangan itu. Malah Duta

AS ke Malaysia, Marie Huhtala secara tidak langsung memberi amaran hubungan di antara dua negara yang agak rapat itu akan terganggu jika kita

tetap mengkritik dasar luar AS khususnya yang bersangkutan Iraq, Palestin

dan penganas. Beliau mendakwa, keadaan diburukkan lagi apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyifatkan AS takut

bayang-bayang sendiri apabila mengeluarkan amaran kepada rakyatnya agar tidak ke Malaysia kerana dikhuatiri diserang penganas.

Pada asasnya kita bukan saja mengecam AS yang memilih untuk menyerang Iraq sambil membelakangkan rayuan dan mengetepikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tetapi juga dasar Presiden George W Bush yang menyokong tindakan kejam Israel yang menindas penduduk Palestin. Pentadbiran Bush nampaknya semakin memberi perhatian kepada dasar kita kerana suara dan sikap Malaysia menjadi ikutan kepada negara Islam lain. Kemunculan kita sebagai jurucakap dunia Islam tiba-tiba saja membimbangkan

AS, membuat ia memandang serong terhadap kita walaupun sebelum ini dasar Malaysia menyokong tindakan diambil bagi menghadapi penganas, dipuji Bush.

Dalam memberi amaran itu, Huhtala turut menarik perhatian kepada betapa

kukuhnya hubungan dan kerjasama terjalin selama ini di antara kita sama ada dalam bidang pertahanan, keselamatan dan ekonomi. Malah AS adalah rakan dagangan kedua terpenting Malaysia dengan nilai eksport kita ke AS mencapai RM67.6 bilion setahun. Tetapi hakikatnya Malaysia juga penting bagi AS kerana mengimport barangan bernilai RM44.8 bilion, iaitu menyamai

nilai eksport AS ke India, Indonesia dan Russia.

Walaupun Duta AS itu berdiplomasi ketika mengemukakan mengenai pendirian

Malaysia, tetapi apakah yang dapat diandaikan daripada sikap AS terhadap negara ini sekarang? Apakah AS dengan kedudukannya sebagai satu-satunya saja kuasa ulung di dunia ia tak senang dengan negara yang tidak menyebelahnya dalam berbagai dasar berat sebelahnya sejak akhir-akhir ini? AS harus sedar Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada prinsip saling hormat menghormati dalam hubungannya dengan negara-negara lain. Demikian juga Malaysia berpegang teguh kepada undang-undang antarabangsa dan negara lain harus menghormati pendirian berprinsip ini.

Pada asasnya juga, Malaysia tidak menentang jauh sekali memusuhi dan membenci Amerika. Tetapi kita mahu AS bersikap adil dan tidak menjadikan mangsa negara kecil sebagaimana Iraq diperangnya atas dakwaan tidak berasas yang ia masih gagal buktikan sehingga kini. Kita mahu

mengekalkan
hubungan baik dengan AS tetapi ia harus bersandarkan kepada prinsip
berbaik tanpa mempunyai sebarang prasangka buruk.